

“UKUR baju di badan sendiri”. Jika kemampuan seseorang hanya setakat itu, tidak wajar berlagak mewah. Umpamanya, jika orang kaya berkereta, pakaian, aksesori dan memiliki kediaman mewah, mereka juga ingin ikut rentak sama sedangkan kehidupan dan kemampuan ala kadar saja.

Hakikatnya jika ingin mengikut perumpamaan ‘biar papa asal bergaya’, tidak akan membawa sebarang keuntungan.

Bagi mereka yang gagal mengurus aliran keluar masuk kewangan dengan bijak, melangkahi gaji bulanan diterima, pastinya membawa padah apabila terpaksa berhadapan dengan lambakan hutang pada setiap hujung bulan.

Sikap tidak konsisten dalam pengurusan kewangan itu, akhirnya akan memakan diri apabila mereka sendiri terjerut dengan hutang yang semakin menggunung hingga sebilangannya diisytiharkan muflis atas kegagalan membayar semula hutang.

Kadaan bertambah parah apabila mereka menggunakan kad kredit, meminjam dengan Along, membuat pinjaman peribadi di bank.

Kegagalan mengurus bayaran balik mengikut jadual tidak saja akan terus meningkatkan hutang yang semakin membun, tetapi ia umpama gali lubang tutup lubang.

Lebih malang, bagi insan pendek fikiran akibat terlalu buntu untuk melangsaikan hutang, mereka terus mengambil jalan mudah dengan membunuh diri. Tindakan itu ternyata tidak membawa sebarang penyelesaian masalah, sebaliknya waris pula akan menanggung bebanan dan malu.

Justeru, pengurusan kewangan adalah aspek paling penting dalam melayari kehidupan untuk memastikan tidak menghadapi pada masa depan, khususnya untuk kegunaan ketika berhadapan saat kecemasan dan ketika selepas bersara.

Ada jalan penyelesaian terbaik boleh dilakukan mengatasi masalah ini. Antaranya menguruskan kewangan dengan mendapatkan khidmat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

AKPK ternyata mampu meningkatkan daya tahan dan berhemah dari segi pengurusan kewangan dan pengurusan kredit melalui pendidikan kewangan yang komprehensif serta memberi perkhidmatan kaunseling kewangan dan program pengurusan kredit profesional adalah jalan terbaik dalam menyelesaikan masalah itu.

Ketua Pegawai Eksekutif AKPK, Mohamed Akwal Sultan, berkata misi agensi itu ialah menyediakan perkhidmatan pendidikan kewangan dengan memberi kemahiran asas pengurusan wang dan penggunaan kredit.

‘Biar papa asal bergaya’ merugikan diri

Hindari hutang jika bijakurus kewangan



MOHAMED AKWAL mengalu-alukan kedatangan orang ramai untuk mendapatkan khidmat nasihat di pusat perkhidmatan pelanggan AKPK.

“Misi kami untuk memastikan lebih ramai berpengetahuan dan tahu mengurus kewangan, selain mendapatkan kaunseling mengenai masalah hutang yang dihadapi termasuk membantu berunding dengan institusi perbankan bagi memajukan tempoh bayaran”

Mohamed Akwal Sultan
Ketua Pegawai Eksekutif AKPK

Katanya, laporan AKPK mendapati, 90 peratus daripada pengguna di Malaysia sudah mengetahui mengenai kewujudannya dan kadar kunjungannya semakin meningkat sejak dua tahun lalu, terutama ketika negara berhadapan dengan krisis kewangan.

“Kegagalan membayar hutang itu disebabkan ramai rakyat tidak menyediakan bajet dalam kehidupan sedangkan ia dianggap aspek penting untuk menentukan hala tuju keluar masuk perbelanjaan seharian. Jika ada buat bajet tetapi tidak melakukan dengan serius.

“Misi kami untuk memastikan lebih ramai berpengetahuan dan tahu mengurus

kewangan, selain mendapatkan kaunseling mengenai masalah hutang yang dihadapi termasuk membantu berunding dengan institusi perbankan bagi memajukan tempoh bayaran. Ini penting untuk mengelak sesuatu hartanah dan sebagainya dilelong,” katanya.

Objektif APPK adalah untuk memastikan setiap isi rumah terus berdaya tahan dengan menyediakan saluran bagi peminjam individu dan pada masa sama menggalakkan sistem perbankan yang teguh dan mantap dengan memudahkan usaha pembayaran balik hutang dan meminimumkan kes tidak membayar akibat pengurusan hutang yang kurang cekap.

Program yang disediakan termasuk taklimat dan penerangan kepada kumpulan atau individu, strategi Struktur Pendidikan Pengurusan Kewangan Peribadi komprehensif melalui Rangka Tindakan Pendidikan Kewangan AKPK yang menentukan taraf pengetahuan dan pendedahan pengurusan kewangan masa kini dan meningkatkan tahap mendalam mengenainya kepada masyarakat.

AKPK juga akan memberikan nasihat dan kaunseling mengenai pengurusan kewangan termasuk bajet kewangan sehingga perbelanjaan serta Program Pengurusan Kredit dengan membantu menyelesaikan masalah pinjaman dengan institusi kewangan yang dikawal Bank Negara Malaysia (BNM) dengan menyediakan pelan pembayaran semula pinjaman.

“AKPK beri perkhidmatan percuma membantu penstrukturan semula pinjaman seperti perumahan, pinjaman kenderaan, peribadi atau baki tertunggak kad kredit daripada penyedia kewangan di bawah BNM,” katanya.

“Ternyata sejak penubuhan April 2006 yang mempunyai cawangan di seluruh negara itu perancangan pengurusan kredit dapat membantu individu membayar balik pinjaman dan mengendalikannya perbelanjaan seharian dengan lebih teratur dan sekali gus berjaya mengurangkan jumlah hutang tidak dibayar sehingga mengelakkan muflis atau harta dilelong,” katanya.

Sehingga 30 Jun lalu, lebih 126,292 pelanggan mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan hampir 45,336 berjaya dibantu menerusi Program Pengurusan Kredit.

“Selain itu, dengan pengetahuan pengurusan kewangan itu, memberi peluang langkai hutang dan menabung sebagai persediaan menghadapi perbelanjaan tidak diduga dan selepas persaraan. Oleh itu, kita sentiasa mahu menerapkan amalan pengurusan kewangan berhemat sebagai budaya hidup,” tambahnya.

Berdasarkan sebab utama kegagalan bayaran hutang itu adalah disebabkan terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang tinggi untuk perubatan, perancangan kewangan kurang cekap, penggunaan kad kredit di luar kawalan, perniagaan gagal atau kurang berjaya, kehilangan atau pemberhentian kerja, pelaburan yang tidak menguntungkan serta kematian.

INFO

Langkah dalam perancangan kewangan:

- Menilai kedudukan kewangan anda sekarang;
- Menetapkan matlamat;
- Menyediakan pelan kewangan;
- Melaksanakan pelan itu;
- Memantau dan menilai semula.

Dengan pelan kewangan peribadi anda:

- Mempunyai kawalan terhadap hal ehwal kewangan dan berupaya mengelakkan perbelanjaan berlebihan, hutang tidak terurus, kebangkrutan atau kebergantungan kepada orang lain.
- Mengeratkan lagi hubungan peribadi dengan orang sekeliling dan seperti keluarga anda, kawan dan rakan sekerja kerana anda gembira dengan kehidupan anda dan tidak perlu meminjam wang untuk memenuhi keperluan atau mengharapkan sumbangan daripada orang lain.
- Bebas daripada kebimbangan kewangan kerana anda merancang bagi masa depan, menjangka perbelanjaan dan mencapai matlamat peribadi hidup anda.
- Menjadi lebih efektif untuk mendapatkan, menggunakan dan melindungi sumber kewangan anda sepanjang hayat, bukan hanya bagi diri sendiri

malah bagi mereka yang tersayang.

Perancangan kewangan sebagai tabiat positif:

- Penting untuk memberikan anda ketenangan fikiran, jaminan masa depan dan kualiti hidup yang lebih baik
- Perancangan kewangan sangat perlu untuk mencapai impian dan matlamat hidup anda
- Selagi wang boleh memperoleh faedah, nilai wang yang sama pada masa depan.
- Adalah penting untuk memulakan simpanan dari sekarang. Lebih awal menyimpan, lebih besar faedah kompaunannya.
- Anda akan memperoleh lebih faedah jika pelaburan anda mendapat faedah kompaun bulanan berbanding tahunan.
- Faedah kompaun bagaikan pedang bermata dua. Jika anda lewat membuat bayaran bagi pinjaman atau hutang kad kredit akhirnya anda terpaksa membayar faedah yang berlebihan.

Tanda anda menghadapi masalah kewangan:


- Jika anda tidak dapat mengawal perbelanjaan lalu perbelanjaan melebihi pendapatan.
- Jika hutang lebih daripada apa yang boleh anda uruskan.
- Anda hanya mampu membayar lima peratus setiap bulan bagi bil kad kredit.
- Anda tiada tabungan untuk menghadapi kecemasan peribadi atau keluarga.
- Anda mendapat panggilan yang kerap daripada peminta hutang.
- Anda mendapat surat saman.

* Sumber daripada Celik Wang Pengurusan Wang Secara Bijak



Sebab utama peminjam gagal bayar hutang

- 26% - Perbelanjaan-perubatan yang tinggi
- 25% - Perancangan kewangan yang kurang cekap
- 15% - Penggunaan kad kredit diluar kawalan
- 12% - Perniagaan gagal / kurang berjaya
- 6% - Lain-lain
- 2% - Pelaburan yang tidak berjaya
- 2% - Kematian



WANITA terutama yang berkerjaya dan tinggal di bandar besar sering kali dilabelkan sebagai insan suka berbelanja, sanggup memperuntukkan sejumlah pendapatan bulanan membeli pakaian, kasut, kosmetik, aksesori, mengunjungi pusat rawatan dan sebagainya untuk kelihatan lebih bergaya serta berketerampilan.

Kehidupan di kota pula memang banyak cabarannya. Setiap langkah akan membatalkan aliran keluar wang, sekiranya tidak bijak mengawal. Dengan perang iklan di merata tempat mengenai sesuatu perkhidmatan, produk, hartanah di akhbar, televisyen dan papan tanda yang memaparkan jualan murah dan harga runtuh menjadikan sesiapa saja yang tidak kuat daya ketahanan diri dalam berbelanja teruja untuk membeli apa yang ditawarkan.

Bagaimanapun, benarkah golongan Hawa ini berbelanja tinggi? Pandangan itu mungkin ada benarnya kerana masing-masing mempunyai tabiat tersendiri bagi memenuhi keperluan diri. Namun mengikut laporan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dari segi pengurusan kewangan, wanita lebih bijak berbanding lelaki, malah cenderung membuat simpanan untuk persediaan pada masa depan untuk kegunaan pada masa depan.

Berdasarkan kes yang diterima, ramai lelaki yang berstatus suami yang datang ke pusat khidmat pelanggan AKPK untuk mendapatkan kaunseling mengurus wang mereka serta nasihat untuk menyelesaikan hutang.

Lelaki lebih ramai minta bantuan AKPK

Untuk setengah kes, lelaki juga disifatkan berada pada tahap kronik dengan hutang sehingga ada antaranya hampir diisytiharkan muflis.

Berdasarkan pembahagian demografi gender, mendapati jumlah wanita yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling jauh lebih rendah, iaitu 13,018 atau 31.7 peratus berbanding lelaki 28,039 atau 68.3 peratus, sepanjang tiga tahun kebelakangan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif AKPK, Mohamed Akwal Sultan, menjelaskan jika dilihat dari segi umur, mereka berusia antara 30 hingga 40 tahun paling tinggi datang mendapatkan perkhidmatan iaitu 18,147 orang; 40-an (16,598) manakala 20 hingga 30 tahun (6,312).

"Dari segi purata gaji, golongan yang berpendapatan antara RM24,000 hingga RM36,000 paling tinggi berhadapan masalah hutang.

"Lelaki lebih ramai yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling kerana kegagalan melangsaikan hutang. Kira-kira 30 peratus wanita berusia 30-an yang datang mendapatkan Kaunseling di APPK pula lebih membabitkan hutang kad kredit," katanya.

Mohamed Akwal menambah, kesedaran terhadap pengurusan kewangan rata-rata masih berada pada tahap rendah dengan tabiat menyimpan belum menjadi budaya secara menyeluruh kalangan masyarakat sehingga ramai kalangan mereka yang ber-



GAMBAR HIASAN

hadapan dengan krisis kewangan akibat kegagalan menguruskan kewangan dengan sistematik.

Jelasnya, ramai golongan muda iaitu sekitar 30-an tidak membuat simpanan. Isu hutang yang gagal dilangsaikan itu dianggap masalah yang kerap berlaku kepada masyarakat yang duduk di bandar besar berbanding di bandar kecil atau kampung.

"Dengan iklan yang banyak dengan tawaran potongan diskaun hebat dan jualan murah untuk pelbagai jenis barangan, perkhidmatan dan hartanah menjadikan ramai yang ingin berbelanja tanpa melihat sama ada mereka mampu atau tidak membayar balik mengikut perjanjian jual beli ditetapkan.

Dalam hal ini, institusi perbankan tidak patut dipersalahkan kerana khidmat mereka diperlukan untuk membantu pembiayaan aliran kewangan seseorang,

namun yang tidak bijak mengurus kewangan adalah individu sendiri.

"Golongan muda juga tidak mengira batasan gender juga rata-rata tidak mempunyai pengurusan kredit yang bijak," katanya.

Amalan menabung sepatutnya bermula sejak dari awal mula mendapat gaji pertama supaya ia terus meresap dalam diri. Budaya menabung juga perlu dilakukan setiap bulan sebaik saja mendapat gaji pada akhir bulan dengan membuat simpanan secara automatik ke dalam akaun lain yang susah untuk dikeluarkan.

Justeru, tabiat menabung perlu menjadi agenda penting dalam pengurusan kewangan

seseorang dengan menetapkan sekurang-kurangnya antara 10 hingga 30 peratus simpanan di akaun lain setiap bulan mengikut kemampuan seseorang.

"Simpanan penting kerana ia digunakan pada saat keceemasan dan sebagai penyelamat kepada masalah hutang seperti menggunakan kad kredit," katanya.

Mengenai penggunaan kad kredit, seseorang itu perlu kawal penggunaannya dan jika gagal melakukan, mereka perlu hentikan penggunaan atau tidak membuat permohonan lain.

Cara terbaik ialah menggunakan kad debit supaya dapat mengawal setiap perbelanjaan dan tidak terikat dengan hutang yang meningkatkan faedah jika tidak dibayar mengikut jadual.

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan terhadap pengurusan kewangan, AKPK menyediakan beberapa program bagi menggalakkan golongan muda terhadap budaya terba-

bit. Malah, AKPK mempunyai modul yang diguna pakai oleh 32 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diserapkan

dalam Kursus Keusahawanan) sebagai program elektif bagi mendidik generasi muda terhadap kepentingan pengurusan kewangan.

"Kita didik generasi yang baru ini sebelum terlewat. Mereka akan keluar bekerja sebaik saja menamatkan pengajian. AKPK akan memberikan kaunseling supaya mengurangkan perbelanjaan dan ubah cara hidup, selain meningkatkan pendapatan sama ada membuat kerja lebih masa atau sebagainya. bagi menampung kehidupan.

"Kebanyakan yang datang adalah mereka tidak tahu mengurus kewangan keluar dan masuk. Oleh itu, kami beri kaunseling bagaimana ingin menyediakan bajet yang baik dan jika ada salah kita akan cari jalan terbaik untuk mereka," katanya.

Pihaknya akan bantu sediakan pelan pembayaran balik untuk setiap hutang yang dihadapi termasuk berunding dengan pihak bank yang berada di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) untuk tempoh bayaran tertentu, iaitu memanjangkan tempoh bayaran balik.

Apa yang penting, sentiasalah menerapkan amalan pengurusan kewangan berhemat sebagai budaya hidup.

Contoh kes

SITI mempunyai tiga kad kredit setiap dengan had kredit RM5,000. Dia sedang menghadapi masalah menguruskan kewangan kerana mempunyai hutang kad kredit yang berjumlah RM10,000.

Dia hanya membuat bayaran minimum sebanyak lima peratus setiap kad. Gaji bulanan Siti ialah RM3,300. Selepas potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perkeso dan cukai, gaji bersih ialah RM2,882.

Bagi contoh ini, dianggarkan kadar faedah bagi setiap kad kredit tetap pada 18 peratus setahun, bermakna 1.5 peratus sebulan. Siti bercadang menangani keadaan ini sendiri tanpa membuat apa-apa rundingan dengan bank. tanpa membatalkan kad itu atau memohon pihak ketiga.

Pada masa sama Siti juga perlu membuat ansuran kereta RM525, sewa rumah RM650 dan kos sara hidup RM900 sebulan. Baki sebanyak RM300 yang Siti cuba



PENGUNAAN kad kredit tanpa kawalan boleh menimbulkan masalah pada masa depan.

menabung biasanya sebahagian besar diberi kepada ibu bapa.

Jumlah tertunggak kad kredit Siti ialah RM10,000 lebih kurang 25.25 peratus daripada pendapatan kasar tahunan beliau sebanyak RM39,600. Peratusan jumlah bayaran minimum daripada gaji bersih bulanan beliau ialah 17.35 peratus.

Siti mahu tahu bagaimana ingin menyelesaikan hutang kad kredit. Apakah jalan penyelesaiannya?

Pertama Siti harus

mengakui hakikat dia seorang yang boros dan perlu berjimat cermat. Jika tidak ini akan menyebabkan dia menjadi miskin. Kedua, Siti perlu menghentikan penggunaan kad kreditnya; ketiga dia perlu merancang dengan sistematik pelan pembayaran setiap kad kredit dengan menambah lagi amaun bagi setiap bayaran minimum. Dia perlu menjelaskan hutang kad kredit satu persatu, memandangkan dia ada tiga kad kredit.